



SIARAN MEDIA

MALAYSIA TUAN RUMAH KONGRES DUNIA EAROPH KE-30: MELAKA JADI HAB PERBINCANGAN PEMBANGUNAN BANDAR MAMPAN ASIA PASIFIK 2026

MELAKA, 24 April 2026 - Malaysia sekali lagi mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju agenda perancangan bandar di peringkat antarabangsa apabila menjadi tuan rumah kepada **Kongres Dunia *Eastern Regional Organisation for Planning and Human Settlements (EAROPH) Ke-30 (30th EAROPH World Congress 2026)*** yang berlangsung selama empat (4) hari bermula 23 hingga 26 April 2026 di Courtyard by Marriott, Melaka.

Majlis Perasmian Pembukaan kongres berprestij ini telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof. Turut hadir bersama ialah Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Timbalan Menteri KPKT, YB Datuk Hajah Aiman Athirah Binti Sabu dan Ketua Setiausaha KPKT dan YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib.

EAROPH merupakan sebuah organisasi antarabangsa multidisiplin yang ditubuhkan pada tahun 1956. Ia menghimpunkan pakar perancang bandar, arkitek, jurutera, pemaju hartanah serta pembuat dasar dari pelbagai negara. Organisasi ini turut bekerjasama rapat dengan badan antarabangsa seperti UN-Habitat dan UN ESCAP dalam memacu agenda pembangunan bandar mampan di peringkat global dan serantau.

Malaysia terus memperkukuh pengaruhnya di persada antarabangsa apabila **Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib, telah dilantik sebagai Presiden EAROPH bagi tempoh dua (2) tahun akan datang (2026-2028)**. Pelantikan ini merupakan satu pengiktirafan penting terhadap kepimpinan Malaysia dalam bidang perancangan bandar, apabila **Sekretariat Antarabangsa EAROPH kini berpangkalan di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)**.

Di bawah kepimpinan beliau sebagai Presiden EAROPH, Malaysia komited untuk memperkukuh kerjasama serantau dan antarabangsa dalam memacu agenda pembangunan bandar yang inklusif, berdaya tahan dan mampan. Seiring dengan itu, antara strategik utama dalam tempoh kepimpinan beliau adalah untuk memuktamadkan **EAROPH Strategic Plan, 2040**. Dokumen ini akan menjadi panduan kepada pelaksanaan inisiatif pembangunan bandar mampan serta mengukuhkan peranan EAROPH dalam menghadapi cabaran urbanisasi masa hadapan di rantau Asia Pasifik.

Kongres dwi-tahunan ini merupakan kesinambungan daripada edisi terdahulu yang telah diadakan di Islamabad, Pakistan pada tahun 2024 dengan **tema utama “City Assets for Community Gains”**. Tema ini menekankan kepentingan pengurusan aset bandar secara strategik merangkumi infrastruktur, kemudahan awam, ekosistem semula jadi, warisan budaya serta sistem digital bagi menjamin kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh dan berterusan.

Pendekatan pengurusan aset bandar yang sistematik amat kritikal memandangkan bandar masa kini berdepan pelbagai cabaran kompleks termasuk infrastruktur yang semakin uzur, perubahan iklim, kekangan kewangan serta peningkatan ekspektasi masyarakat terhadap kualiti perkhidmatan bandar. Justeru, pengurusan aset bandar yang cekap dan bersepadu menjadi asas kepada daya tahan bandar, kemampuan ekonomi serta kesejahteraan rakyat.

Kongres ini menampilkan tiga ucapnama iaitu Timbalan Menteri KPKT, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu; Timbalan Gabenor Wilayah Jawa Timur, Indonesia, H.E. Dr. Emil Dardak serta Penasihat Hartanah PETRONAS, YBhg. Datuk Seri TPr (Dr.) Maimunah binti Mohd Sharif.

Selain itu, sebanyak **tujuh (7) sesi dialog akan berlangsung dengan penyertaan lebih 20 panelis antarabangsa yang membincangkan empat (4) sub-tema** utama iaitu *Risk, Resilience and Funding, Plan and Design for City-Life Value, People and Communities dan City Management and Operations*.

Bagi memperkayakan pengisian kongres, pelbagai program sampingan turut dianjurkan seperti *Urban Innovation Exhibition, Minecraft Urban Lab, Robotic Competition* dan *EAROPH Training Module*. Program-program ini memberi pendekatan lebih praktikal, interaktif dan berorientasikan inovasi kepada peserta, khususnya dalam meneroka penyelesaian teknologi dan idea baharu dalam pembangunan bandar masa hadapan.

Penganjuran Kongres Dunia EAROPH Ke-30 ini merupakan kali kelima Malaysia diberi kepercayaan menjadi tuan rumah sejak tahun 1992, sekali gus mencerminkan keyakinan berterusan komuniti antarabangsa terhadap keupayaan negara dalam menerajui wacana pembangunan bandar di peringkat global.

Melalui penganjuran ini, Melaka menjadi hab penting pertemuan pakar dan pembuat dasar global dalam merangka penyelesaian inovatif terhadap cabaran urbanisasi masa hadapan. Kongres ini dijangka menghasilkan dapatan strategik termasuk cadangan dasar, panduan teknikal serta pengukuhan jaringan kerjasama serantau yang berpotensi diterjemahkan kepada pelaksanaan di peringkat bandar dan komuniti.

Sebagai kesinambungan kepada usaha memperkukuh kerjasama serantau dan global dalam pembangunan bandar mampan, komuniti antarabangsa akan berhimpun dalam persidangan seterusnya iaitu **55th EAROPH Regional Congress 2027** yang akan diadakan di **Jepun**, diikuti dengan **31st EAROPH World Congress 2028** di **Manila, Filipina**. Penganjuran berterusan kongres ini menjadi platform penting untuk memperkukuhkan jaringan kerjasama, perkongsian ilmu serta amalan terbaik dalam menangani cabaran dan peluang pembangunan bandar masa hadapan di peringkat serantau dan global.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi Kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T